



Submission date: 10/05/2023 Accepted date: 27/08/2023 Published date: 30/09/2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.535>

## PENDEKATAN DAKWAH MELALUI UNDANG-UNDANG: PENGALAMAN NEGERI KELANTAN DALAM PEMERKASAAN KAWALAN PENJUALAN ARAK (*LIQUOR*)

*Approaches of Da'wah Through Law: The Experience of Kelantan State in Strengthening Liquor Sale Control*

Nik Suhaida Nik Abdul Majid<sup>a1</sup>

<sup>a</sup>Faculty of Leadership & Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>1</sup>[nik\\_suhaida@usim.edu.my](mailto:nik_suhaida@usim.edu.my)

### Abstract

From the *da'wah* perspective, the law is seen as a medium that can be utilized by applying appropriate approaches that suit the needs of society's reality. Liquor<sup>1</sup> is an ongoing issue. Hence, controlling *liquor* sales is needed towards non-Muslims in reducing their level of consumption that affects their health, social behaviour, and as a sign of respect to Muslims' religion and culture. Therefore, this qualitative study focuses on analysing the *da'wah* approaches via the law of *liquor* sale control, which is strictly strengthened by the Kelantan State that upholds the Islamic policy in their governance. Interviews were conducted with two categories of informants: seven related government agencies and ten owners of liquor premises dominated by the non-Muslims Chinese. Direct observation was also applied to the premises around Kota Bharu and participation in raids organized by the local state authority. This study found that the *da'wah* approaches, which are understanding the religious background, culture and rights of *mad'u*, dispel the misconception of *mad'u* toward Islam, explain the reasons behind certain injunctions and prohibitions, gradual (*tadarruj*), strict (*tarhib*) and also gentleness (*targhib*) that have been applied through policies and guidelines introduced. In conclusion, the laws of liquor sale control in Kelantan clearly implements *da'wah* with appropriate approaches.

<sup>1</sup> The term liquor is specifically used as in line with the definition proposed by the Royal Malaysian Customs Department. It is referred to the alcoholic beverage that contains more than 2% alcohol and the sellers need to be licensed to sell it.

**Keywords:** *Da'wah Through Law, Liquor Sale Control, Kelantan, Da'wah to the Non-Muslim Chinese, Uṣlūb Da'wah*

## Abstrak

Dari perspektif dakwah, undang-undang dilihat sebagai satu dari medium yang boleh dimanfaatkan dengan mengaplikasikan pendekatan yang bersesuaian dengan isu dan keperluan dalam realiti masyarakat. Arak adalah isu yang berterusan dan berkeperluan untuk dikawal penjualannya kepada masyarakat bukan Islam bagi mengurangkan tahap pengambilan yang menjelaskan kesihatan, tingkahlaku sosial serta sebagai penghormatan kepada agama dan budaya masyarakat yang beragama Islam. Justeru, kajian kualitatif ini menumpukan analisis pendekatan dakwah melalui kawalan penjualan arak yang diperkasakan secara lebih ketat dalam urus tadbir kerajaan Negeri Kelantan yang menjulang dasar Islam dalam pentadbiran. Temubual telah dijalankan terhadap dua kategori informan iaitu tujuh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dan juga sepuluh orang pemilik premis arak yang didominasi oleh masyarakat berbangsa Cina bukan Islam. Pemerhatian secara langsung turut diaplikasikan melalui tinjauan di kawasan premis sekitar Kota Bharu dan penyertaan dalam siri serbuan anjuran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kajian ini mendapati bahawa pendekatan dakwah memahami latar belakang agama, budaya serta hak *mad'u*, menghilangkan salah tanggapan *mad'u* kepada Islam, menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan, berperingkat-peringkat (*tadarruj*), kekerasan (*tarḥīb*) serta kelembutan (*targhīb*) telah diaplikasikan melalui dasar dan garis panduan yang diperkenalkan. Kesimpulannya, undang-undang kawalan arak di negeri Kelantan jelas melaksanakan dakwah dengan pendekatan yang bersesuaian.

**Katakunci:** Dakwah Melalui Undang-Undang, Kawalan Penjualan Arak, Kelantan, Dakwah Kepada Masyarakat Cina Bukan Islam, *Uṣlūb Da'wah*

## PENDAHULUAN

Setiap negeri di Malaysia mempunyai undang-undang kawalan arak yang merupakan salah satu dari bahan terkawal yang dirujuk dibawah peruntukan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Kastam 1967, Akta 235 dan Akta Eksais 1976, Akta 176. Perbezaannya adalah bagaimana setiap negeri di Malaysia memperkasakan undang-undang kawalan penjualan tersebut. Keunikan di Negeri Kelantan adalah urus tadbir kawalan penjualan arak diperkasa secara lebih serius dan terperinci dengan mengambil kira masyarakat majoritinya adalah Muslim dan diperkuuhkan lagi dengan dasar yang diperkenalkan iaitu ‘Membangun Bersama Islam’ (MPKB-BRI,

2023). Pada masa yang sama, Islam mengajarkan umatnya supaya hak orang bukan Islam mesti dipelihara dibawah pentadbiran orang Islam. Justeru perancangan dan tindakan yang diambil oleh pentadbiran kerajaan negeri Kelantan melalui jalur undang-undang ini dapat diperlihatkan sisi-sisi tanggungjawab dakwah kepada rakyat khususnya kepada masyarakat bukan Islam berkenaan arak. Sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam Surah Āli-'Imrān (3:104) yang menetapkan tentang kewajipan berdakwah.

### **Latar Belakang Pentadbiran Kawalan Penjualan Arak Di Malaysia**

Pada asasnya, arak merupakan barang yang tertakluk di bawah akta kawalan melalui penguatkuasaan oleh beberapa agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan juga PBT. Di peringkat persekutuan, penjualan arak dikawal oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) iaitu di bawah Kementerian Kewangan. Maka undang-undang berkaitan dengan pelesenan penjualan arak tertakluk di bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (akta 176) serta peraturan yang dibuat di bawahnya (Jasri Kamal & Noryati Anuar, 2012). Eksais adalah sejenis duti atau cukai yang dikenakan atas barang-barang tertentu yang diimport ke Malaysia atau dikelangkan di Malaysia. Arak atau dengan penggunaan istilah minuman keras khususnya jenis *liquor* adalah satu dari barang-barang yang tertakluk kepada duti eksais. Bagi urusan import, ianya tertakluk di bawah peraturan 18 Peraturan-Peraturan Kastam 1977. Manakala urusan lesen pengilangan tertakluk di bawah Akta Eksais 1976. Pelesenan bagi jualan runcit adalah menggunakan seksyen 32 Akta Eksais 1976. Manakala bagi jualan borong pula menggunakan seksyen 33 Akta Eksais 1976. Pihak yang bertanggungjawab bagi melesenkan penjualan *liquor* yang memabukkan adalah Lembaga Pelesenan Daerah yang dilantik di bawah seksyen 31 Akta Eksais 1976. Berdasarkan Akta Eksais 1976 (Akta 176), lesen penjualan arak adalah di bawah seksyen 35 menerangkan Lembaga Pelesenan boleh mengeluarkan lesen penjualan arak di rumah awam, rumah bir, kedai jualan runci dan lesen pemborong.

Menurut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menjelaskan tentang pemberian kuasa PBT untuk membuat undang-undang berkenaan kawalan menjual arak melalui Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan *liquor* yang memabukkan) 1977. Had jualan secara runcit dan borong adalah dari pukul 9.00 malam sehingga pukul 7.00 pagi. Penjualan tersebut dilarang kepada orang yang berumur bawah dari 18 tahun. Manakala, iklan secara langsung berkaitan arak di dalam televisyen dan radio tidak dibenarkan. Tetapi iklan di panggung wayang adalah dibenarkan begitu juga dalam bentuk tajaan. Walau bagaimanapun, bagi arak yang mengandungi alkohol kurang dari dua peratus seperti bir, todi atau liquor natif ianya dikecualikan dari sebarang lesen dan boleh dijual dalam tin atau botol di mana-mana premis kedai tanpa lesen jika tidak melebihi 27 liter dan memaparkan maklumat tersebut supaya penguatkuasa

PBT tidak boleh mengambil sebarang tindakan (Kastam Diraja Malaysia, 2021; Dina Imam, 2013; Jasri & Norhayati, 2012).

## Kajian Lepas

Shukeri Mohamad *et al.* (2020), meneliti sumbangan Tuan Guru Nik Abdul Aziz kepada pembangunan pentadbiran Islam di Negeri Kelantan. Sumbangan tersebut dibahagikan kepada enam kategori, iaitu salah satunya adalah memperkasakan *amar ma'ruf nahi munkar* termasuklah dalam bab kawalan penjualan arak yang disusun semula. Penyusunan semula undang-undang kawalan penjualan arak ini dikategorikan dalam sumbangan dakwah mencegah. Manakala Mohd Hakimi (2017), menganalisis dari aspek hukum pada isu pencegahan minuman keras di Negeri Kelantan. Beliau menyimpulkan syarat tambahan yang diperkenalkan kepada masyarakat bukan Islam berkenaan arak adalah berasaskan peraturan syarak yang berkonsepkan ijtihad. Walau bagaimanapun, menurut Mohd Ramizu (2009) beliau berpandangan kerajaan Negeri Kelantan masih tidak mengemukakan dasar yang jelas dalam usaha mengawal dan menghadkan jualan arak tetapi dengan cara yang sedia ada arak boleh dijual mengikut keperluan supaya tidak mudah untuk diperolehi. Beliau merumuskan bahawa pelaksanaan dasar Islam dalam pengurusan bandar oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) iaitu menghadkan bilangan premis arak ini diasaskan dari doktrin Islam iaitu *Sadd al-Dharā'i*‘ (Pencegahan Awal).

Ismail Yussof & Shukri Ahmad (2011), turut membincangkan perspektif dan pelaksanaan sistem pembangunan Islam pada era Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Undang-undang kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan diperketatkan mulai 1 Januari 1993. Noor Aklima (2001) juga telah membincangkan mengenai kesan sekatan penjualan arak secara terbuka di Negeri Kelantan yang dilihat dari tiga sudut utama: iaitu politik, ekonomi dan sosial. Dari sudut politik dan sosial, masyarakat bukan Islam mampu menerima dasar ini dengan baik dan memberi sokongan dan kerjasama kerana melihatkan kepada kesan positif dari segi cara hidup dan akhlak. Dari segi ekonomi, pendapatan kerajaan tidak terjejas malah semakin meningkat kerana apabila arak disebat produktiviti semakin meningkat yang membantu pertumbuhan ekonomi yang baik.

Suhana & Marsitah (2009) pula membincangkan konsep bandaraya Islam yang dilaksanakan di Kelantan bertujuan untuk kemaslahatan umum yang disesuaikan mengikut tuntutan zaman. Berhubung isu berkaitan arak, ianya tertakluk di bawah teras kepatuhan iaitu kepatuhan kepada syariat Islam. Salah satunya adalah mensyaratkan kelulusan lesen dan kebenaran beberapa syarat yang dituntut Islam di

bawah Undang Undang Kecil pengawalan dan penyeliaan Establishment Makanan. Bagi masyarakat bukan Islam pendekatan 5K adalah untuk menjaga keharmonian masyarakat dan saling menghormati.

Mastura (2016) menyimpulkan undang-undang berkaitan arak perlu lebih diperketatkan dan disatukan dengan undang-undang seperti akta kawalan arak dan yang lebih penting adalah mendidik masyarakat dengan memberi kesedaran agar menjauhi arak melalui program pencegahan secara berterusan kerana arak telah lama menjadi masalah kepada negara. Undang-undang kawalan arak di Malaysia juga masih banyak kelompongan untuk diperbaiki.

Kajian berkenaan arak di Malaysia masih kurang mendapat perhatian lebih-lebih lagi untuk dilihat dari pelbagai perspektif (Nik Suhaida, 2020). Maka kajian ini mengambil satu dari ruang yang perlu diperbincangkan dengan memperlihatkan undang-undang kawalan dari perspektif pendekatan dakwah. Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan dakwah yang dilakukan oleh kerajaan Negeri Kelantan melalui tindakan mereka mengawal jualan arak melalui bidang kuasa undang-undang dari agensi yang berkaitan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pengalaman negeri Kelantan dalam kajian ini merujuk kepada tempoh pemerintahan Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat sebagai Menteri Besar Kelantan dari tahun 1990 sehingga awal Mei 2013 kerana beliau merupakan Menteri Besar yang pertama memperkasa undang-undang kawalan penjualan arak selaras dengan aspirasi yang dibangunkan dalam dasar ‘Membangun Bersama Islam’.

Kajian ini memfokuskan kawasan di Kota Bharu yang berada dibawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) sahaja yang juga merangkumi kawasan Kubang Kerian. Temubual mendalam melalui soalan yang bersifat separa struktur telah dijalankan terhadap agensi-agensi kerajaan yang dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Sebanyak tujuh agensi dipilih iaitu terdiri daripada pembuat dasar iaitu Kerajaan Negeri Kelantan melalui pentadbiran Menteri Besar, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan juga agensi-agensi pelaksana dasar seperti Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) merangkap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan (Kota Bharu), Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Kelantan (Kota Bharu), Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu (PTJKB) dan Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan (JPN). Kaedah bola salji turut digunakan kerana pegawai-pegawai dari tujuh agensi yang ditemubual turut mencadangkan untuk bertemu dengan pegawai-pegawai dari beberapa pihak lain bagi mendapatkan maklumat berkaitan.

Pemerhatian turut serta turut dijalankan melalui penyertaan di dalam siri-siri serbuan dan lawatan ke premis-premis menjual arak bersama pihak PBT dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Analisis dokumen juga digunakan dalam kajian ini melalui data yang diperolehi menerusi surat, laporan, peraturan, dasar, undang-undang dan enakmen dari agensi yang berkaitan. Bagi menyokong data, temubual dan pemerhatian langsung turut dijalankan kepada pemilik premis menjual arak di sekitar Kota Bharu yang kesemuanya adalah masyarakat berbangsa cina bukan Islam bagi mendapatkan maklum balas mereka terhadap undang-undang pemeriksaan kawalan penjualan arak. Jumlah sebenar pemilik premis menurut senarai yang dibekalkan oleh MPKB-BRI adalah sebanyak 28 premis. Tetapi hanya 10 orang yang berjaya ditemubual atas faktor keselamatan kerana sebahagian dari premis tersebut beroperasi pada waktu malam. Waktu malam mempunyai risiko yang lebih besar kerana pelanggan lebih ramai dan keadaan lebih sukar dikawal serta peniaga juga agak sibuk dan sukar untuk ditemubual. Senarai nama informan dalam kalangan pemilik premis ini turut dirahsiakan atas tujuan keselamatan dan etika penyelidikan.

Peranan dan bidang kuasa setiap agensi yang terlibat dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak dianalisis bagi mengenalpasti pendekatan dakwah yang digunakan secara khusus kepada masyarakat bukan Islam sebagai kumpulan sasaran dakwah. Justeru pendekatan dakwah dalam penulisan ini merujuk secara khusus kepada dakwah kepada masyarakat bukan Islam.

### **Urus Tadbir Kawalan Penjualan Arak Di Negeri Kelantan**

Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz merupakan pelopor kepada penguatkuasaan kawalan penjualan arak secara serius dan lebih tegas melalui dasar kerajaan yang diperkenalkan berasaskan prinsip dan nilai Islam sejak dari tahun pertama beliau dilantik sebagai Menteri Besar Negeri Kelantan iaitu pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, pelaksanaan secara rasmi bermula pada tahun 1993, iaitu selepas menilai beberapa keperluan dan tahap kesediaan rakyat. Proses ke arah pemeriksaan kawalan ini bermula pada peringkat awal mesyuarat yang dilaksanakan pada 8 Disember 1992 yang membincangkan berkenaan pengurangan lesen premis yang menjual arak secara berperingkat-peringkat. Manakala pada tarikh 29 Mei 1993 pula perbincangan mengenai dasar garis panduan. Pada 30 Jun 1993 pula merupakan tarikh terakhir penjualan arak secara bebas dan terbuka. Selepas dari tarikh tersebut tiada lagi pembaharuan lesen yang dibenarkan di Negeri Kelantan. Maka dengan secara rasminya kawalan penjualan arak dengan dasar yang baharu telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 1993. Sehingga tahun 1993, jumlah lesen yang dikeluarkan di Kota Bharu adalah 36 lesen iaitu, 10 lesen jualan borong dan 26 lesen

runcit. Istilah runcit pada masa tersebut juga meliputi premis restoran yang menghidang arak (Mohd Arman, 2012).

Agensi-agensi kerajaan yang terlibat mempunyai bidang kuasa dalam pembuatan dasar, pelaksana dan juga penguatkuasa. Sebahagian besar dari agensi yang terlibat adalah merupakan ahli Lembaga Pelesenan Eksais iaitu pihak Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Majlis Perbandaran Kota Bharu- Bandaraya Islam (MPKB-BRI), Polis Diraja Malaysia dan Pejabat Tanah dan Jajahan. Hasrat dan perancangan menteri besar ini diurus oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK) yang melibatkan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan pegawai yang terlibat. Peranan SUK adalah bersifat sangat asas dan penting dalam melaksanakan arahan dari pihak Menteri Besar melalui dasar yang dirangka dan dijadikan undang-undang sebagai panduan bagi agensi lain untuk melaksanakan dasar yang telah disusun. Kuasa membuat keputusan juga diserahkan kepada pihak SUK berdasarkan kerangka arahan yang telah diamanahkan oleh Menteri Besar. Justeru SUK merupakan institusi yang mengepalai dan mengetuai agensi-agensi lain. SUK melalui *Exco* adalah individu yang bertanggungjawab untuk berhubung serta mengawal selia MPKB-BRI (Mohd Arman & Fiesal Abdullah, 2012).

MPKB-BRI merupakan organisasi Majlis Kerajaan Negeri yang menjalankan operasi di sekitar bandar Kota Bharu. Kota Bharu ditadbir oleh dua badan rasmi iaitu Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Majlis Perbandaran berkuasa terhadap Jajahan Kota Bharu dan Kubang Kerian sahaja. Selebihnya daerah di Kota Bharu yang lain di bawah pengurusan Majlis Daerah (Nik Rohani, 2013).

Justeru bagi Jajahan Kota Bahru, MPKB-BRI adalah merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). MPKB-BRI bertindak sebagai pihak pelaksana dasar, undang-undang dan juga peraturan yang ditetapkan. Walaupun pemberian lesen bagi penjualan arak secara borong dan runcit merupakan hasil persetujuan bersama Lembaga Pelesenan, tetapi pihak MPKB-BRI berkuasa dalam urusan pemberian lesen kepada premis restoran cina yang dibenarkan menghidang arak. Ianya mesti dipersetujui oleh Exco yang terbabit (Ahmad Nadzif, 2012). Penguatkuasaan undang-undang kawalan penjualan arak ini berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak SUK. Peraturan yang ditetapkan bagi jualan jenis runcit dan borong serta premis yang menghidang arak dirujuk melalui Dasar Dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras Dan Meminum Arak Di Tempat Awam Di Negeri Kelantan (2009) yang dapat disimpulkan kepada beberapa perkara seperti berikut:

- a. Arak tidak dibenarkan diminum di tempat terbuka termasuk hotel, restoran, kedai kopi dan seumpamanya.

- b. Orang bukan Islam diberi tempat khusus untuk minum arak iaitu di kedai kopi atau restoran milik orang bukan Islam yang diberikan lesen untuk menjual makanan tidak halal, di upacara keagamaan dan rumah ibadat bukan Islam, di majlis persendirian dan di majlis menyambut hari kebesaran (setelah memaklumkan kepada pihak PBT dan dibuat dalam keadaan tertutup, tidak membenarkan orang Islam hadir dan tidak melebihi jam 12.00 tengah malam).
- c. Lesen yang dikeluarkan adalah bukan lesen arak tetapi lesen premis yang dibenarkan menjual arak. Bahkan bukan semua restoran cina dibenarkan menghidang atau menjual arak. Hanya restoran tertentu yang mendapat persetujuan mesyuarat exco setelah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan sahaja.
- d. Kedudukan premis perniagaan dan persekitaran kedai mestilah mengambil kira sensitiviti mereka yang tidak minum arak, sama ada orang Islam mahupun bukan Islam. Ianya mestilah tidak menimbulkan gangguan atau kacau ganggu kepada orang lain.
- e. Bagi pekerja perempuan (bukan Islam), mereka hendaklah memakai pakaian sopan (tidak mencolok mata). Bagi pekerja lelaki pula hendaklah memakai pakaian yang bersih dan kemas. Penggunaan pakaian seragam digalakkan.
- f. Waktu berniaga hendaklah tidak melebihi jam 12.00 malam. Manakala perniagaan tidak dibenarkan pada malam-malam tertentu yang akan ditetapkan oleh PBT dari masa ke semasa.
- g. Setiap premis perlulah mengadakan papan tanda / iklan yang diluluskan oleh PBT dan hendaklah mempamerkan dengan terang papan tanda yang berbunyi “ORANG ISLAM TIDAK DIBENARKAN MEMASUKI PREMIS INI”
- h. Orang Islam tidak dibenarkan sama sekali bekerja di premis perniagaan menjual arak bahkan mereka dilarang sama sekali memasuki premis perniagaan tersebut.

Seterusnya JKDM Kelantan, Kota Bharu, iaitu melalui Bahagian Cukai Dalaman pula berperanan sebagai badan penasihat kepada Lembaga Pelesenan dan Eksais. Walaupun Kastam hanya sebagai penasihat dan bukannya ahli, tetapi pandangan mereka tetap diambil kira dalam membuat keputusan kerana Kastam terlibat dalam membuat persetujuan bagi kebenaran lesen disebabkan semua barang yang dibawa masuk ke dalam negeri adalah di bawah kuasa Kastam. Negeri Kelantan tidak mengeluarkan sebarang lesen pengilangan arak. Oleh yang demikian, tiada kawalan lesen dari sudut pengilangan arak. Hal ini sejajar dengan dasar kerajaan negeri yang tidak mahu sebarang operasi kilang pemprosesan arak di Negeri Kelantan. Kastam hanya berkuasa memantau pemilik premis menjual arak secara borong dan runcit sahaja kerana arak tidak dijual di dalam premis yang berbentuk hiburan seperti pub dan kelab malam yang mana dahulu dikenali sebagai rumah awam dan rumah bir yang

mempunyai peruntukan lesen padanya. Ini kerana Kerajaan Kelantan tidak membenarkan sebarang operasi dan tidak mengeluarkan lesen bagi kelab malam, pusat hiburan juga pub dan sebagainya. Selain itu Kastam turut terlibat dalam operasi serbuan bersepadu dan mempunyai kuasa untuk merampas. Sekiranya pihak MPKB-BRI terpaksa bertindak untuk memecahkan premis yang gagal mematuhi peraturan, mereka juga akan merujuk undang-undang dibawah akta Kastam. Ini kerana MPKB-BRI hanya berkuasa merampas tetapi kuasa memecahkan kedai adalah di bawah kuasa Kastam. Kompaun yang dikenakan oleh pihak MPKB-BRI juga hanya pada kadar satu ribu ringgit sahaja berbanding dari pihak Kastam yang boleh mencecah hingga lima ribu ringgit. Sebagai tambahan, hasil cukai yang diambil oleh Kerajaan Negeri hanyalah cukai lesen menjual arak bukan cukai arak dan Kastam pula hanya berkuasa mengutip cukai arak yang diimport kerana Kastam tertakluk kepada kerajaan atau perlombagaan persekutuan. Cukai lesen premis yang dibenarkan menjual arak dikutip oleh Kerajaan Negeri melalui MPKB-BRI dan bukan dari pihak kastam. Kastam hanya mengutip cukai bagi arak jenis import sahaja (Ahmad Basir, Rohani Omar & Rahimah Hussain, 2012).

PDRM pula merupakan anggota kepada Lembaga Pelesenan dan Eksais terlibat dalam menyokong atau menghalang sebarang permohonan lesen menjual arak. Sokongan diberikan selepas melakukan siasatan terlebih dahulu dan kemudian diserahkan kepada MPKB-BRI untuk perhatian dan tindakan selanjutnya. Siasatan yang dilakukan oleh pihak polis khususnya Ketua Polis Balai yang berkenaan mengambil kira dari sudut lokasi premis yang dipilih. Selain itu, mereka berperanan dalam memastikan keselamatan pihak penguatkuasa sewaktu penguatkuasaan dijalankan misalnya di dalam serbuan atau operasi (Ahmad Zaki & Abdul Hadi, 2013).

Selain itu, terdapat juga peranan dari Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu (PTJKB) iaitu merupakan sebuah badan organisasi kerajaan negeri yang terletak di bawah pentadbiran SUK. Lokasi Jajahan Kota Bharu disempadani oleh Jajahan Pasir Mas di sebelah barat, Jajahan Tumpat di sebelah Utara, Jajahan Bachok di sebelah Timur dan Jajahan Machang di sebelah Selatan. (Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu, 2021). Peranan PTJKB ini dalam pelaksanaan kawalan penjualan arak adalah terlibat dalam menyokong atau tidak menyokong permohonan lesen premis yang dibenarkan menjual arak (Saharudin Omar, 2013).

Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan turut berperanan dalam memberikan data statistik jumlah penduduk mengikut bangsa, agama dan sebagainya jika diperlukan oleh pihak SUK. Unjuran yang dilakukan mengambil kira data dari Jabatan Imegresen dan juga Jabatan Pendaftaran yang berdasarkan kemasukan, kelahiran dan juga kematian penduduk. Bagi data yang lebih terperinci Jabatan Perangkaan Negeri akan

merujuk kembali kepada Jabatan Perangkaan Malaysia di Putrajaya (Nik Rohani, 2013).

Bagi agensi seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK), mereka hanya terlibat dalam operasi serbuan dan hanya menumpukan kepada orang Islam sahaja dari sudut penguatkuasaan. Mereka tidak terlibat di dalam pelaksanaan kawalan penjualan yang melibatkan orang bukan Islam (Pegawai Bahagian Penguatkuasaan (JAHEIK, 2013). Begitu juga dengan Jabatan Mufti Negeri Kelantan, mereka hanya menumpukan pada soal fatwa. Fatwa arak kepada orang Islam pula adalah sudah jelas (Saibon Ismail, 2013).

Justeru pihak yang terlibat secara langsung dalam mengawal penjualan arak di Negeri Kelantan adalah berperanan dalam pengawalan lesen arak, tatacara penjualan arak, tindakan dan juga penguatkuasaan terhadap undang-undang kawalan lesen arak.

### **Analisis Pendekatan Dakwah Melalui Bidang Kuasa Agensi yang Terlibat dan Penerimaan dari Pemilik Premis**

Seruan dakwah berpaksikan kepada dua elemen utama iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam Surah Āli ‘Imrān ayat 104. Kalimah mungkar ditakrifkan sebagai berlawanan dengan kebaikan iaitu apa-apa yang diketahui sebagai sesuatu yang buruk secara naqli dan aqli. Maka arak adalah jelas memenuhi definisi mungkar yang sepatutnya dijauhi sebagaimana diterangkan dalam Surah Al-Māidah ayat 90-91 juga terbukti secara saintifik dan logik bahawa arak menjejaskan kesihatan dan mengganggu tingkahlaku. Asas kepada pencegahan sesuatu kemungkaran adalah menggunakan tiga kaedah umum iaitu menggunakan tangan, lisan dan juga hati sebagaimana hadis riwayat Ibn Mājah (2008), *Kitāb Iqāmah al-ṣolāh wa al-Sunnah fīha, Bāb Mā Jā'a fī Solātī al-īdā'ī*, No. Hadis 1275.

Mengubah dengan tangan ialah menggunakan kekuatan atau kekuasaan. Bukan dengan cara yang membawa pertumpahan darah atau menimbulkan kekacauan yang lebih dahsyat bencananya dari perbuatan mungkar itu sendiri. Mengubah dengan lidah pula setelah tidak dapat menggunakan tangan. Ini dibolehkan jika ada faedah atau kesannya kerana dapat diterima dan dipatuhi nasihat atau tunjuk ajar seterusnya perkara mungkar itu dihentikan. Kemudian mengubah dengan hati setelah kedua-dua cara sebelumnya gagal dan tidak memberi kesan. Maka itu adalah tanda selemah-lemah iman. Kerajaan adalah antara institusi utama yang berupaya dan berkemampuan untuk memaknai mencegah dengan tangan. Kerajaan berupaya menyuruh kepada perkara yang baik dan mencegah kemungkaran dengan tindakan

undang-undang. Menurut Hammam Said (2013), mencegah kemungkaran dengan tangan adalah melalui kerajaan Islam dan pemimpin Islam serta individu muslim dalam beberapa keadaan yang mereka berupaya untuk mencegah. Hal ini dapat difahami melalui firman Allah dalam surah Al-Nahl (16:125). Seperti juga ibu bapa, mereka berkuasa terhadap anak-anak mereka. Jika anak-anak mereka melakukan kemungkaran contohnya tidak mengerjakan solat maka menjadi tanggungjawab ibu bapa menggunakan kuasa yang ada pada mereka.

Pendekatan dakwah harus selaras dengan psikologi dan fitrah manusia yang dilaksanakan mengikut turutan iaitu bermula dengan memberi pengetahuan atau kefahaman, kemudian menasihati, seterusnya adalah bertindak tegas sehinggahal sampai kepada tahap kepada menggunakan kekerasan (Abdul Karim Zaidan, 2000). Menurut Abdul 'Aziz Barghuth (2011), dakwah kepada orang bukan Islam dalam konteks masyarakat majmuk dibina melalui tiga proses penting iaitu pembelajaran, perdebatan dan juga interaksi. Proses mengenali sangat penting kerana melalui pengenalan dapat disampaikan penerangan tentang Islam seterusnya membimbang mereka. Segala ajaran Islam mestilah disampaikan dengan cara yang mudah kerana hakikatnya Islam itu mudah dan memberi kelonggaran hukum pada manusia atas alasan yang munasabah mengikut keadaan sasaran. Ini merujuk pada firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah (2:185). Justeru melalui peranan dan bidang kuasa setiap agensi yang terlibat dalam kawalan penjualan arak di Negeri Kelantan, berikut adalah pendekatan dakwah yang dikenalpasti:

### **Memahamai Latar Belakang Agama, Budaya Serta Hak *Mad'u* & Menghilangkan Salah Tanggapan *Mad'u* Kepada Islam**

Osman Chuah (2006 & 2009) menyatakan bahawa sebelum dakwah itu disampaikan, pemahaman yang menyeluruh tentang anutan agama bagi setiap bangsa perlu dikuasai. Pendakwah mesti memahami mereka dari sudut psikologi, mental, mazhab anutan agama masing-masing yang membawa kepada perbezaan cara hidup, etika, fahaman, budaya dan kepercayaan. Disamping itu juga amat penting bagi pendakwah untuk mengetahui hak mereka yang perlu diraikan yang melibatkan keselamatan, maruah, kebebasan beragama dan cara hidup juga keadilan di dalam pemerintahan orang Islam dan hak mereka sebagai orang bukan Islam yang dilindungi haknya (*dhimmi*). Hak orang bukan Islam sewajarnya dihormati dan diraikan oleh orang Islam selagi tidak menggadaikan maruah agama Islam itu sendiri. Islam menekankan konsep hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia iaitu turut melibatkan hubungan dengan orang bukan Islam sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Āli-'Imran 3:112.

Antara hak yang layak diterima oleh orang bukan Islam adalah berkaitan dengan hak kehidupan yang mana manusia di sisi Allah lebih tinggi darjatnya dari makhluk lain walau apa agama yang dianuti sekalipun. Seterusnya hak wanita bukan Islam yang perlu dijaga maruahnya, hak keselamatan dan maruah, hak berbahasa, budaya, agama dan bidang pekerjaan. Selain itu adalah hak mendapatkan keadilan. Antara firman Allah SWT yang menyentuh tentang perihal kaitan tersebut adalah melalui Surah Al-Hujurat (49:13) dan Surah Al-A‘raf (7:29). Ini juga merupakan suatu kebijaksanaan dalam berdakwah dan sesuai dengan sasaran dakwah atau dikenali dengan hikmah (Badlihisham, 2003).

Isi kandungan dakwah yang disampaikan harus bersesuaian dengan tahap pemikiran golongan sasaran. Sudah menjadi fitrah bagi penciptaan manusia itu terdiri dari pelbagai jenis kondisi psikologinya. Persoalan utama bagi pendakwah adalah menentukan cara yang tepat dan efektif dalam menghadapi suatu golongan tertentu dalam keadaan tertentu dan suasana tertentu. Sirah dakwah baginda Rasul S.A.W menyaksikan dakwah baginda adalah untuk semua golongan dan peringkat masyarakat samada orang bawahan hingga kepada orang atasan. Maka setiap kelompok sasaran dakwah akan didakwahkan dengan kadar kemampuan dan kefahaman yang mereka miliki. Sepertimana kata-kata yang diucapkan oleh Saidina Ali R.A” Bercakaplah dengan orang lain berdasarkan kefahaman mereka (dalam lingkungan yang mereka boleh faham) Al-Bukhari, (2004), *Kitab al-‘ilm, Bab Man Khass Bi Al-‘Ilm Qauman Duna Qaumin Karāhiyah An Lā Yafshamū*.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz memahami bahawa orang bukan Islam di Kelantan majoritinya adalah berbangsa cina. Hak mereka perlu diraikan dibawah pemerintahan orang Islam. Dasar kerajaan negeri tetap membenarkan orang bukan Islam menggunakan arak dengan pelbagai tujuan selagi tidak mengganggu hak orang Islam dan mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Walaupun minum arak adalah sebahagian dari budaya orang bukan Islam, tetapi bukan semua orang bukan Islam di Kelantan terutamanya bangsa cina yang meminum arak. Temubual bersama pemilik premis menjual arak juga mendapati bahawa bukan semua dalam kalangan mereka yang meminum arak. Malah hanya sebahagian sahaja. Pencegahan arak kepada orang bukan Islam tidak dilakukan secara langsung dengan menghalang penjualannya secara total. Sekatan dan kawalan adalah bertujuan menyempitkan ruang kemasukan arak dalam skala yang besar dan juga menghadkan aktiviti supaya dapat mengawal moral orang bukan Islam. Jumlah pemberian lesen bergantung kepada keadaan dan kapasiti penduduk bangsa cina di sesuatu tempat. Pemeriksaan kawalan ini diwujudkan agar keseimbangan hak dapat diwujudkan antara orang Islam dan bukan Islam. Kawalan ini juga dianggap sebagai usaha dakwah yang dapat dilakukan kepada orang bukan Islam. Malahan sikap saling memahami dapat diwujudkan iaitu orang Islam

memahami hak dan budaya orang bukan Islam dan sebaliknya orang bukan Islam juga memahami sensitiviti orang Islam dengan mematuhi kaedah dan panduan meminum arak. Disamping itu juga, pihak SUK memilih orang cina sendiri untuk menjadi wakil dalam menerangkan kaedah kawalan yang dilaksanakan melalui jawatan yang dilantik seperti penghulu. Ini kerana mereka lebih mudah menerima jika dari kalangan mereka sendiri yang memberi penerangan disamping faktor bahasa, cara dan budaya (Takiyuddin Hassan, 2013).

Lapan dari sepuluh orang pemilik premis menjual arak yang ditemui terdiri dari restoran mahupun runcit berpandangan bahawa apa yang telah dilaksanakan oleh Menteri Besar ini boleh diterima dan tidak menyusahkan serta tidak membebankan. Mereka berpuas hati dengan peraturan perniagaan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Ini disebabkan mereka sudah lama menjadi rakyat Kelantan, maka tiada masalah dan mereka sudah faham untuk menerima dasar tersebut. Malah ada juga sebilangan mereka menambah bahawa kawalan ini bagus kerana membenarkan penjualan arak untuk tujuan minum sahaja tanpa membenarkan pub dan pusat-pusat hiburan yang boleh menyebabkan pelbagai masalah lain. Sebahagian dari mereka juga sengaja tidak menjual arak walaupun memiliki lesen premis yang dibenarkan menjual arak kerana mereka bimbang berlaku kekecohan akibat tindakan luar kawalan peminuman yang mabuk sehingga boleh merosakkan harta benda premis. Menteri Besar juga amat menekankan aspek untuk tidak menyusahkan rakyatnya.

Walau bagaimanapun, dua orang dari pemilik premis tersebut pula berpandangan sebaliknya dengan menyatakan bahawa undang-undang yang sedia ada adalah terlalu mengawal hak orang bukan Islam di negeri Kelantan. Jika dibandingkan di negeri lain, tiada kawalan dan sekatan sedemikian rupa. Setelah merujuk respon tersebut kepada pegawai MPKB-BRI dan juga melalui pemerhatian yang dilakukan, dapat disimpulkan bahawa pandangan tidak berpuas hati ini adalah dari suara yang sangat minoriti dan dari kalangan pemilik premis yang lebih muda usianya. Bagi pemilik premis yang lebih senior, mereka sudah merasakan kesan buruk akibat sikap pelanggan yang mabuk dan menjelaskan harta kedai mereka. Tambahan pula menurut pihak MPKB-BRI, ada sebahagian dari golongan muda ini membuka premis arak tanpa lesen bagi mengaut keuntungan yang lebih.

## **Menerangkan Sebab Disebalik Sesuatu Suruhan Dan Larangan**

Penerangan sebab adalah sangat penting bagi mengukuhkan sesuatu suruhan dan larangan disamping bersesuaian dengan logik pemikiran manusia. Misalnya Allah SWT memerintahkan solat kerana solat dapat mencegah dari keburukan. Manakala Allah melarang pengambilan arak, judi dan permusuhan kerana mendatangkan

keburukan. Penjelasan pula mestilah nyata keterangannya. Iaitu diberikan secara jelas supaya dapat difahami dengan tepat. Jika dilihat dari perspektif prinsip komunikasi juga ianya dikategorikan kepada dua bentuk iaitu suruhan dan larangan (Mohd Yusof, 2009). Maka dalam dakwah, penjelasan tentang suruhan dan larangan mestilah jelas supaya sasaran dakwah memahami apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak sebagaimana hadis yang diriwayatkan dari Anas r.a, direkodkan oleh Al-Bukhari, (2004) dalam *Kitab Al-'Ilm, Bab Man A'ada Al Hadis Thalathan Liyushham 'Anhu* , No. Hadis 95.

Penerangan sebab larangan mahupun suruhan berkaitan undang-undang pengawalan arak ini dijelaskan melalui pendidikan yang disediakan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Aspek penerangan menyentuh soal kesan dan keburukan arak yang menjelaskan individu, institusi kekeluargaan serta masyarakat dan keperluan untuk dikawal penjualan dan penggunaannya. Penjelasan dilakukan bagi menerangkan sebab dasar ini dikuatkuasa bagi mengelakkan salah faham dan menjelaskan kefahaman kepada orang bukan Islam.

Temubual bersama pemilik premis juga menyatakan bahawa mereka mendengar berkenaan Islam termasuk berkaitan arak ini adalah dari kuliah di Dataran Ilmu pada setiap hari Jumaat serta melalui ceramah-ceramah, syarahan agama sekitar bandar. Selain itu pergaulan mereka bersama masyarakat melayu yang terdiri dari komuniti sekeliling serta rakan-rakan. Mereka juga mendapat makluman secara terus dari pihak MPKB-BRI sendiri. Mereka mengetahui bahawa arak diharamkan kepada orang Islam dan orang bukan Islam dibenarkan menjual arak tetapi mesti menghormati hak orang Islam.

Menteri Besar turut menjelaskan bahawa penjelasan dibuat berkenaan keburukan arak dari sudut kesihatan yang mana merosakkan buah pinggang dan juga kehidupan iaitu menyebabkan perbalahan dalam rumah tangga. Sehingga akhirnya secara tidak langsung orang bukan Islam menyedari bahawa arak tersebut hanya membawa kebaikan kepada orang yang berniaga dan bukannya kepada peminum. Beliau juga turut berkongsi bahawa terdapat segelintir orang bukan Islam menghubungi beliau secara peribadi bagi menyampaikan ucapan terima kasih diatas undang-undang kawalan yang telah diperkenalkan. Ini kerana suami mereka tidak lagi mabuk yang keterlaluan dan tidak lagi pulang ke rumah larut malam serta rumah tangga mereka menjadi lebih harmoni (Nik Abdul Aziz, 2013).

Selain itu juga di pihak MPKB-BR turut membuat soal selidik bagi pemohon yang membuat rayuan untuk membuka premis menjual arak. Rayuan dibuat kerana permohonan awal ditolak. Maka pihak MPKB-BRI akan mengadakan soal selidik

bagi mendapatkan gambaran dan sebab mengapa permohonannya tidak diluluskan. Penjelasan yang cuba dicari melalui soal selidik tersebut menggambarkan suatu dakwah kepada orang bukan Islam supaya mereka merasakan dilayan secara adil (Ahmad Nadzif, 2013).

Manakala bagi peranan yang digalas oleh Kastam dan Pejabat Tanah, penerangan sebab keatas setiap tindakan dan arahan dilakukan hasil siasatan yang dibuat terlebih dahulu. Siasatan yang dilakukan oleh agensi-agensi tersebut dapat dianalisiskan sebagai suatu *uslub* menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan. Iaitu sebab untuk menyokong atau tidak permohonan lesen bergantung kepada hasil siasatan iaitu mendapatkan penjelasan bukti tentang permohonan yang dipohon sesuai atau tidak. Maka orang bukan Islam tidak boleh semudahnya menyalahkan institusi ini jika terdapat sebarang penolakan permohonan kerana institusi ini mencari penjelasan terlebih dahulu dan menerangkan sebab yang relevan sebelum membuat keputusan.

Bagi kastam, sokongan atau bantahan yang diberikan adalah berdasarkan hasil siasatan yang bergantung kepada jenis permohonan iaitu terbahagi kepada permohonan baru (kali pertama) dan juga permohonan pembaharuan lesen setiap enam bulan sekali. Metode siasatan menggunakan kaedah lawatan dan temubual. Di Negeri Kelantan selepas era pemerintahan Tuan Guru Nik Abdul Aziz, permohonan lesen baru telah dibekukan. Hanya mengekalkan premis yang sedia ada melalui pembaharuan lesen. Lawatan yang diadakan oleh pihak Kastam akan menilai dari sudut kepatuhan premis dalam mengikut peraturan dan syarat yang ditetapkan. Sekiranya terdapat kesalahan yang dikenalpasti, maka pihak Kastam akan menyatakan bahawa permohonan tersebut tidak disokong. Tetapi kebiasaanya tiada halangan atas faktor disiplin terhadap syarat yang dikenakan.

Bagi agensi Pejabat Tanah dan Jajahan pula, siasatan yang dilakukan adalah melalui pemerhatian bagi mendapatkan gambaran dan penjelasan dari sudut kesesuaian tempat dan pandangan dari masyarakat setempat sebelum dinilai untuk menyokong ataupun tidak permohonan yang dikemukakan bagi mendapatkan lesen menjual arak. Kaji selidik yang dijalankan menggunakan kaedah tembual secara tidak formal terhadap masyarakat setempat iaitu tempat permohonan lesen yang dikemukakan oleh pemilik premis. Biasanya tembual dilakukan kepada wakil penduduk setempat iaitu penghulu dan penggawa. Laporan bagi soal selidik tersebut tidak dicatatkan sebagai laporan bertulis kerana melibatkan permohonan dalam skala yang kecil. Sehingga kini tiada laporan bertulis disediakan hasil kaji selidik tersebut kerana jumlah yang sangat kecil. Pada masa yang sama pihak Lembaga Eksais khususnya melalui Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu memang ingin mengekalkan kuota yang sedia ada bagi lesen runcit dan borong dan cuba untuk mengurangkannya lagi pada masa akan datang

bergantung kepada kesesuaian keadaan dan keperluan populasi masyarakat bukan Islam. Bagi agensi Polis pula, siasatan yang dilakukan adalah bagi menilai dari aspek keselamatan dan kesesuaian tempat bagi kawasan yang terdapat premis yang menjual arak (Saharudin Omar, 2013).

### **Berperingkat-peringkat (*Tadarruj*)**

Larangan dan pengajaran secara berperingkat-peringkat adalah pengajaran yang diberikan secara sedikit demi sedikit dan bukan dalam bentuk sekaligus. Ianya bergantung kepada keadaan sasaran dakwah supaya pengajaran dapat diterima dengan baik dan rela tanpa paksaan. Melalui pendekatan ini, sasaran dakwah lebih mudah memahami mesej yang disampaikan (Al-Bayanuni, 1991). *Tadarruj* merupakan satu sunnah yang Allah SWT cuba ajarkan kepada manusia supaya manusia mengambil pelajaran darinya. Sebagai contoh, Allah S.W.T menjadikan kejadian langit dan bumi ini selama enam hari. Ini bukan bermaksud Allah S.W.T tidak mampu menjadikannya dengan sekelip mata sahaja Tetapi Allah ingin mengajarkan kepada kita manusia ini supaya tidak gopoh dalam melakukan sesuatu perkara (Nik Abdul Aziz, 2013). Sebagaimana firman Allah di dalam Surah Al-Sajadah 32: 4. Pendekatan ini diambil kira melalui kaedah pensyariatan hukum Islam yang menggunakan kaedah yang sama seperti kewajipan berzakat, berpuasa serta pengharaman arak.

Pendekatan *tadarruj* dibuktikan dalam proses memperkasakan undang-undang kawalan arak yang sedia ada di Kelantan. Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dilantik menjadi Menteri Besar Negeri Kelantan pada tahun 1990, tetapi pelaksanaaan kawalan penjualan arak ini mula berkuatkuasa pada tahun 1993 agar rakyat khususnya masyarakat bukan Islam bersedia dengan pembaharuan dalam undang-undang. Menteri Besar menyatakan bahawa pelaksanaan ini dilaksanakan secara bertahap dan mengambil kira keadaan semasa serta meraikan hak bukan Islam dalam pemerintahan Islam. Pada peringkat awal kawalan arak dilaksanakan adalah melalui lesen. Seterusnya tatacara minum tidak boleh di tempat terbuka. Kemudian memberi amaran supaya tidak membenarkan orang Islam memasuki premis menjual arak dan meminum arak di kawasan tersebut. Seterusnya dengan menjelaskan keburukan arak dari sudut kesihatan dan kehidupan seperti menyebabkan perbalahan dalam rumah tangga. Sehingga akhirnya secara tidak langsung orang bukan Islam menyedari bahawa arak tersebut hanya membawa kebaikan kepada orang yang berniaga dan bukannya kepada peminum.

Pendekatan *tadarruj* juga dapat dikenalpasti dalam pantauan yang dilakukan MPKB-BRI terhadap premis yang berlesen bagi memastikan prosedur perniagaan dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Pantauan ini dilakukan dengan kadar yang

sangat minimum bagi mengelakkan salah faham dan rasa tidak selesa kepada pemilik premis seperti seolahnya mereka tidak akur pada peraturan. Tambahan pula, bagi premis yang berlesen ini mereka kebanyakannya tidak melanggar peraturan. Sekiranya ada kesalahan yang dikenalpasti, tindakan tidak dilakukan serta merta. Berdasarkan prosedur kerja juga terkandung *uslub tadarruj*.

### ***Tarhib* dan Kekerasan & *Targhib* dan Kelembutan**

*Targhib* bermaksud peransangan minat atau pendorongan. Ianya adalah janji yang disertai dengan pujukan dan menjadikan sasaran dakwah merasa senang dan gembira terhadap sesuatu perkara sekaligus mendorong mereka untuk terus melakukan sesuatu perkara agar mendapat ganjaran. Manakala *tarhib* pula bermaksud pengganasan, penakutuan dan juga pengancaman. Iaitu ancaman dan siksaan sebagai akibat melakukan dosa atau kesalahan agar merasa takut untuk melakukannya pada masa akan datang (Mohd Khairi Zainuddin, et.al., 2007).

Kedua-dua pendekatan ini boleh digunakan dalam mencegah kemungkaran dengan menjelaskan pencegahan yang dilakukan atas sesuatu perkara jika ditinggalkan akan mendapat kebaikan dan jika diteruskan maka berhadapan dengan sesuatu yang lebih teruk akibatnya. Kaedah ini memerlukan penghujahan yang berilmu dan rasional dan bukannya dengan perasaan dan emosi dengan mengemukakan alasan yang jelas serta difahami. Hujah tersebut mestilah berdasarkan keilmuan, pemikiran dan perkara yang menyentuh persoalan yang sedang berlaku dalam masyarakat (Abdul Halim El-Muhammady, 1992).

Mencegah kemungkaran boleh menggunakan *uslub lembut* mahupun *keras* kerana ianya bergantung kepada keadaan dan keperluan dakwah. Cara lembut adalah antara cara yang baik kerana lembut itu biasanya boleh melenyapkan kekasaran dan kesombongan (Ab Aziz, 1997). Cara lembut ini adalah cara yang lebih dahulu diaplikasi berbanding cara keras kerana dakwah itu bersifat lembut dan perlukan kelembutan. Sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam Surah Tāha 20: 43-44.

Walau bagaimanapun, berlemah lembut tidak sesuai dalam semua keadaan kerana sesetengah keadaan memerlukan ketegasan dan kekasaran. Islam mengharuskan penggunaan kekerasan untuk meneruskan gerak kerja dakwah tetapi ianya harus diatur dengan bijak dan mengukur kekuatan yang ada supaya terhindar daripada bahaya. Menggunakan kekerasan bukan bermaksud menceroboh tetapi untuk menyampaikan kebenaran kepada manusia yang berhak mendengar dan menerima. Sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam Surah Al-Taḥrim 66:9.

Walaupun undang-undang berkaitan arak ini bersifat kawalan tetapi istilah kawalan itu sendiri bermaksud tetap dibenarkan. Pendekatan *targhib* dan kelembutan tetap menyerlah kerana membenarkan penjualan dan penggunaan arak tetapi tidak lagi secara bebas dan terbuka. Ini menzahirkan kelembutan dalam konteks tersebut kerana bukannya halangan secara total. Kelonggaran dan hak yang diberikan kepada orang bukan Islam dengan membenarkan meminum arak di tempat khas yang disediakan dan dalam upacara khusus mereka.

Manakala pendekatan *tarhib* pula dapat diteliti antaranya adalah hak penarikan lesen kepada pemilik premis sekiranya mereka menjual arak kepada orang Islam atau membenarkan orang Islam memasuki premis tersebut atas tujuan berkaitan arak. Tindakan *tarhib* dan kekerasan ini juga dapat dilihat dalam salah satu sesi serbuan bersama MPKB-BRI yang memberi arahan supaya pemilik premis membuka kunci pintu di ruang belakang kedai. Tindak balas oleh pemilik premis pula adalah menafikan ruangan tersebut miliknya. Maka pihak MPKB-BRI memberi ugutan dengan ingin memecahkan pintu tersebut. Tetapi akhirnya pihak MPKB-BRI tidak memecahkan pintu tersebut dan itu merupakan suatu ugutan untuk melihat sejauh mana kebenaran keterangan pemilik premis tersebut. Selain itu ketika operasi serbuan dijalankan kepada pemilik premis yang beroperasi tanpa lesen, pegawai MPKB yang bertugas perlu meninggikan sedikit nada suara dan tegas dalam menyatakan pendirian kerana terdapat pemilik premis yang dilihat terlalu berlebihan dalam soal memujuk dan meminta kelonggaran.

Lima dari sepuluh pemilik premis yang ditemubual menyatakan bahawa setakat ini mereka berpuas hati dengan tindakan dan cara pihak MPKB-BRI menjalankan tugas. Manakala dua orang lagi informan menyatakan hanya sebahagian sahaja yang bertindak kasar. Bukan semua pegawai penguasa bertindak sedemikian. Ada juga yang sangat baik dan berhemah. Mereka juga menyatakan bahawa jika lawatan itu melibatkan seorang atau dua orang pegawai mereka berasa lebih selesa daripada datang secara berkumpulan yang ramai. Ini kerana kelihatan seperti ‘gangster’ atau pengandas yang menyebabkan pelanggan juga takut untuk memasuki premis tersebut. Seorang lagi informan hanya menyatakan sederhana. Manakala seorang lagi menyatakan premisnya tidak lagi menerima lawatan dari pihak MPKB-BRI dan seorang informan mendakwa cara dan tindakan pihak MPKB-BRI membuat lawatan dan pantauan adalah kasar dan garang dan mereka tidak mempunyai peluang untuk menjelaskan sebarang penjelasan. Seorang informan lagi memberitahu bahawa ada sebahagian orang Islam yang tidak faham dan memasuki premisnya untuk membeli arak. Apabila pihak MPKB-BRI mendapat tahu orang Islam masuk ke premisnya, maka dia yang dipersalahkan. Tetapi informan itu tidak menyalahkan MPKB-BRI

sepenuhnya malah menyatakan bahawa orang Islam perlu sedar bahawa arak tidak boleh dijual kepada orang Islam.

## PENUTUP

Negeri Kelantan mengawal arak dengan kaedah menghadkan pemberian lesen melalui sistem kuota kepada penjual arak sama ada dalam bentuk jualan runcit mahupun borong serta restoran yang menghidang arak. Keperluan pemberian lesen juga amat bergantung kepada keperluan dan bilangan orang bukan Islam di sesuatu kawasan. Lesen juga tidak diberikan kepada semua jenis kedai tetapi hanya kedai restoran cina dan juga peruncit serta pemborong arak dalam kalangan orang bukan Islam sahaja. Malah kedai serbaneka 24 jam atau pasaraya juga tidak dibenarkan menjual arak walaupun dimiliki oleh orang bukan Islam. Kedai restoran cina yang dibenarkan juga hanya diberikan kepada yang memenuhi kriteria sahaja maka bukan semua restoran cina di Kelantan dibenarkan menjual arak. Seterusnya kawalan dari sudut etika cara meminum arak yang tidak dibenarkan secara terbuka malah hanya di tempat tertentu dan ada limitasi waktu yang ditetapkan. Selain itu ianya dapat dilihat melalui kandungan syarat, dasar dan garis panduan mengenai penjualan arak yang menunjukkan ciri-ciri pencegahan melalui larangan. Kesemua tatacara yang dicatatkan tersebut berbentuk larangan yang mencegah serta mengawal kadar penjualan dan etika penjualan arak bagi menyeimbangi hak setiap agama khususnya hak orang Islam dan bukan Islam.

Pemerkasaan undang-undang kawalan ini telah melibatkan kumpulan pembuat dasar, pembuat keputusan, pengumpul maklumat, pelaksana dasar sehinggalah kepada penyokong dasar. Agensi utama yang berperanan besar adalah Kerajaan Negeri yang diwakili Menteri Besar melalui dasar yang diperkenalkan, pihak SUK dan juga pihak MPKB-BRI. Tidak dapat dinafikan bahawa agensi penyokong seperti pihak Kastam, pihak Polis, Pejabat Tanah dan juga Jabatan Perangkaan Negeri juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya. Bidang kuasa dan peranan yang dimainkan dapat dikenalpasti sebagai pendekatan dakwah kepada rakyat Kelantan khususnya kepada masyarakat bukan Islam kerana mereka dibenarkan menjual, membeli, meminum dan menggunakan arak tetapi di bawah pengawalan yang lebih ketat yang ditetapkan melalui undang-undang.

Prinsip dakwah mencegah kemungkaran lebih dominan dari mengajak kepada kebaikan kerana secara asasnya undang-undang merupakan suatu sempadan larangan yang lebih hampir kepada pencegahan. Pencegahan dalam konteks pelaksanaan ini adalah melalui kawalan penjualan arak. Ianya mencegah orang Islam dari terlibat dengan arak dan juga mencegah orang bukan Islam dari terlibat secara bebas. Pada

masa yang sama, konsep pencegahan ini membawa mesej kepada orang bukan Islam bahawa perlunya menghormati hak orang Islam dan memahami bahawa agama Islam adalah agama yang bertoleransi kepada semua agama.

Hal ini bertepatan dengan undang-undang Islam yang dibina atas prinsip *al-tadarruj* (berperingkat-peringkat). Pembinaan hukum perlu dibuat secara berperingkat kerana manusia memerlukan masa untuk melakukan perubahan. Seterusnya prinsip kedua adalah ‘*adamu al-Haraj*’ (tidak menyusahkan) iaitu tuntutan Islam mengambil kira batasan kemampuan manusia. Prinsip ketiga adalah *qillatu al-Taklif* (tidak menyukarkan) iaitu undang-undang Islam mengandungi unsur yang meringankan.

Pelaksanaan undang-undang tersebut menzahirkan beberapa pendekatan utama dalam konsep dakwah mencegah kemungkaran yang bersesuaian dengan konteks *mad‘u* dari golongan bukan Islam iaitu dengan memahami latar belakang sosial mereka, menghilangkan salah tanggapan mengenai Islam, menerangkan sebab disebalik sesuatu suruhan dan larangan, *tadarruj*, *tarhīb* serta *targhīb*.

Akhirnya, sebagai *da‘i* yang mengepalai usaha dakwah ini, Tuan Guru Nik Abdul Aziz, berpendirian berhubung isu kawalan ini harus diserahkan kepada Allah S.W.T. Ini kerana kawalan merupakan undang-undang yang manusia cuba buat bagi mendisiplinkan etika dan cara hidup sahaja. Justeru, pihak yang menjalankan penguatkuasaan dalam pemeriksaan pelaksanaan kawalan ini perlu mengawal dengan penuh tanggungjawab dan amanah kepada Allah dan masyarakat.

## RUJUKAN

Al-Qurān Al-Karīm

‘Abdul Karim Zaidan. (2000). *Usul Da‘wah*. Beirut: Mu’assasah Al-Risalah.

Ab. Aziz Mohd Zin. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ab.Aziz Mohd Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ab.Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul ‘Aziz Barghuth. (2011). *Manāhij al-Da‘wah fi al-Mujtama‘ al-Muta‘adid al-Adyān Wal Ajnās*. Gombak: IIUM Press.

Abdul Ghafar Haji Don. (2009) “Dakwah Non-Muslim : Konsep dan Tuntutan,” dalam *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, ed. Abdul Ghafar Don dan Zulkiple Abd. Ghani.Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abdul Halim El-Muhammady. (1992). *Dinamika Dakwah Satu Perspektif Dari Zaman Awal Islam Hingga Kini*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu
- Al-Bayanuni, Muhammad Abu Al-Fath. (1991). *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*. Madinah: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad Bin Isma'il. (2004). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah : Dar al-Hadith.
- Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin & Mohd Fuad Mohd Isa. (2010). *Al-Miftah*. Seremban: Al-Azhar Media.
- Badlihisham Mohd Nasir. (2003). *Da'wah and The Malaysian Islamic Movements*. Kajang: Synergymate Sdn.Bhd.
- Hamman Said. (2013) *Asas-Asas Berdakwah Ke Jalan Allah*, terj. Mohd Fairooz Mohd Fathillah et al., Seri Kembangan: Jawatan Kuasa Tarbiah Pertubuhan IKRAM.
- Ibn Mājah, Abī 'Abdullah Muhammad Bin Yazīd Al-Qazwini. (2008). *Sunan Ibnu Mājah*. Lubnan: Darul Kutub Al-'Ilmiyah.
- Ibn Manzur. Jamaluddin Muhammad ibn Mukarram. (2003). *Lisan al-arab*. Kaherah : Dar al-Hadis.
- Ismail Yussof, & Shukri Ahmad. (2011). *Pembangunan Islam Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV : Ulama Pemacu Transformasi Negara, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasri Kamal dan Noryati Anuar. (2012). Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus di Negeri Selangor Darul Ehsan. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 24(2): 213-239.
- Kamus Dewan* .(2010). ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kastam Diraja Malaysia. (2021). dicapai 19 September 2021, <http://www.customs.gov.my/documents/Bahagian%20CD/Customs%20Guidelin es%20Book Excise.pdf>
- Khalid bin 'Usman Al-Sabt. (1995). *Al-Amr Bi al- Ma'ruf Wa al-Nahyu 'an al-Mungkar Usuluhu Wadawabituhu Waadabuhu*. Riyadh: Al-Bayan.
- Mastura, M. Z. (2016). *Arak dan Pencegahannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Mohammad Nidzam "Bagaimana Berinteraksi Dengan Non Muslim dalam Konteks Malaysia" (Kertas Kerja, symposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam, Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor, Shah Alam, 23-24 Disember 2009), 2.
- Mohd Azam et al. . (2006). *Perundangan dan Kenegaraan Islam*. Gombak: iBook Publication.
- Mohd Hakimi Shafie. (2017). *Pencegahan Minuman Keras di Negeri Kelantan Malaysia: Ditinjau Dari Hukum Islam Dan Peraturan Majelis Perbandaran*

- Kota Bharu (MPKB). (Master), Universitas Islam Negeri (UIN) Raden Fatah Palembang, Palembang.
- Mohd Ramizu Abdullah. (2009). Dasar Pengurusan Bandar Oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) Dari Tahun 1990 Hingga 1998: Satu Tinjauan Dari Perspektif Metodologi Hukum. *Jurnal KIAS*, 16.
- Mohd Yusof Hussain. (2009). “Principles of Communication In Islamic Da’wah”, *Readings In Islamic Da’wah*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. h. 69.
- MPKB-BRI. (2013). Fungsi MPKB. laman sesawang *Portal Rasmi MPKB-BRI* , dicapai 8 Mac 2013, <http://www.mpkbbri.gov.my/function>.
- Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Al-Dimasqi. (2011). *Mutiara Ihya’ Ulumuddin*, terj. Panel Penterjemah. Shah Alam: Illusion Network.
- Munawar Rahmat. (2007). *Model Pengajaran Targhib-Tarhib (Hukuman Ganjaran Qurani) Dalam Pendidikan Agama Islam*. Makalah Seminar Pelatihan Nasional Guru dan Dosen Pendidikan Agama Islam se Kalimantan.
- Noor Aklima Abdul Rahman. (2001). *Pengharaman Arak Menurut Islam: Satu Kajian Khusus Terhadap Kesan Sekatan Penjualan Secara Terbuka Di Negeri Kelantan Darul Naim*. (Sarjana Muda Latihan Ilmiah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nik Suhaida. (2020). Khamr Drinking From An Islamic Perspective: A Sociological Case Study on Malaysian Malay Males. Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia.
- Osman Abdullah @ Chuah Hock Leng . (2006). “Methodology Of Da’wah To The Non-Muslim Chinese In Malaysia: A Preliminary Observation. *Journal of Ulum Islamiyyah* 5(1): 65.
- Osman Chuah Abdullah. (2009). *Preaching To The Non Muslim Chinese In Malaysia* Gombak: IIUM.
- Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu. 2013. Profil, Latar Belakang. Laman sesawang dicapai pada 14 Mei 2013, <http://ptjkb.kelantan.gov.my/>
- Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Ahmad Najib Abdullah, & Nor Hazrul Mohd Salleh. (2020). Sumbangan Tuan Guru Nik Abdul Aziz kepada Pembangunan Pentadbiran Islam di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan. *Al-Basirah*, 10(2), 57-76.
- Suhana Saad dan Marsitah Mohd Radzi. (2009). Urus Tadbir Sebuah Bandaraya Islam Malaysia: Kajian Kes di Kota Bharu, Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space* .5(3). 8-25.

## **Temubual**

- Abdul Basir. (2012, 11 Disember). Penolong Kanan Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan.

- Abdul Hadi Ibrahim. (2013, 17 Mac). Pembantu Tadbir Perlesenan, Ibu Pejabat Daerah Kota Bharu, Kelantan.
- Ahmad Nadzif Yaacob. (2012, 15 April). Penolong Pegawai Persekutaran, Unit Kawalan dan Pendakwaan, Bahagian Pelesenan, Jabatan Pelesenan dan Kawalan Perniagaan, MPKB-BRI. Kota Bharu.
- Ahmad Zaki Ibrahim. (2013, 17 Mac). Ketua Bahagian Pengurusan Daerah. Ibu Pejabat Daerah Kota Bharu, Kelantan.
- Datuk Takiyuddin Hassan. (2013, 20 Mac). Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan.
- Dina Imam Supaat. (2013, 2 April). Pensyarah Fakulti Syariah Undang-Undang , Universiti Sains Islam Malaysia. dalam temubual melalui e-mail.
- Fiesal Abdullah. (2012, 17 Disember). Penolong Setiausaha (Pentadbiran) ,Bahagian Kerajaan Tempatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
- Mohd Arman Zulkifli. (2012, 17 Disember). Penolong Setiausaha (Pengurusan) ,Bahagian Kerajaan Tempatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
- Nik Rohani Nik Yahya. (2013, 18 Mac). Pegawai Khidmat Pelanggan. Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan.
- Pegawai Bahagian Penguatkuasaan (JAHEIK), dalam temubual melalui talian telefon, 7 Mac 2013.
- Rahimah Husain. (2012, 11 Disember). Penolong Kanan Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan.
- Rohani Omar. (2012, 11 Disember). Ketua Bahagian Cukai Dalaman. Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan.
- Saharudin Omar. (2013, 18 Mac). Ketua Zon Pembantu Tadbir Kanan Bahagian Pentadbiran. Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu.
- Saibon Ismail. (2013, 7 Mac). Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Negeri Kelantan. dalam temubual melalui telefon.
- Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2013, 15 April). Menteri Besar Kelantan. Pejabat Menteri Besar, Kompleks Kota Darul Naim, Kota Bharu.

## Dokumen

Carta Aliran Kerja MPKB-BRI- Operasi Bersepadu

Carta Aliran MPKB-BRI- Kerja Pemeriksaan Lesen Premis

Dasar Dan Garis Panduan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras Dan Meminum Arak Di Tempat Awam Di Negeri Kelantan (2009)

